

30,000 rakyat termiskin dapat duit raya RM100 seorang

UM 12 DEC 2001

Oleh ISMAIL DAUD dan RADZI MOHD. ZAIN

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Kira-kira 30,000 orang rakyat termiskin daripada semua kaum di seluruh negara akan menerima duit raya RM100 seorang daripada kerajaan, yang diperkenalkan buat kali pertama tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sumbangan itu akan diagihkan kepada semua yang layak sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Ini kali pertama kita bagi sebab kita ada duit sedikit," katanya kepada pemberita selepas me-

nyampaikan wang tunai RM100 kepada 200 orang miskin pelbagai kaum dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor di Masjid Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, langkah itu juga bagi membolehkan setiap lapisan rakyat bergembira untuk menyambut Hari Raya dan perayaan kaum lain yang akan menyusul tidak lama lagi.

Katanya, walaupun tragedi 11 September lalu di New York memberikan kesan yang besar kepada ekonomi dunia secara keseluruhannya tetapi Malaysia masih selamat.

Katanya, ini dapat dilihat

apabila kompleks membeli-belah di negara ini terus dikunjungi dan rakyat masih mampu membeli pelbagai barangan.

Kemampuan

"Di Malaysia, kita seolah-olah tidak merasakan kemiskinan tetapi kita sedar bahawa ada golongan yang miskin di negara kita. Mereka tidak gembira sangat untuk berhari raya.

"Mereka tidak ada wang untuk belanja lebih. Jadi, tahun ini, kerajaan nak bagi duit raya sebab kita ada duit lebih," katanya.

Dr. Mahathir berkata, berdasarkan perangkaan semasa, ki-

ra-kira 7 peratus daripada 23 juta rakyat Malaysia adalah golongan miskin.

Bagaimanapun, katanya, pemberian duit raya itu juga tidak semestinya menjadi satu pemberian tetap tahunan kerana ia bergantung kepada kemampuan semasa kewangan kerajaan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan mereka yang tidak sepatutnya menerima bantuan itu, akan menerimanya.

Katanya, ini kerana golongan tersebut 'dibantu' oleh orang

■ Lihat muka 4

30,000 rakyat termiskin dapat duit raya RM100 seorang

tertentu untuk mendapatkan bantuan itu.

"Kita harap ini tidak berlaku secara berleluasa kerana kita mahu sumbangan ini sampai kepada (golongan sasaran) supaya mereka gembira di Hari Raya ini," katanya.

Beliau berkata, masalah penyelewengan seperti itu mema-

ng berlaku dalam pengurusan kewangan kerajaan walaupun kerajaan memperketatkan peraturan urusan kewangannya.

Katanya, kadang-kadang lewat projek bukan disebabkan oleh pegawai yang tidak cekap tetapi peraturan kewangan kerajaan yang ketat.